

## **PAS jawab Dr M: Melayu bacul sahaja sanggup bersama DAP**

**Malaysiakini**

**15 May 2020**

**M Fakhru Halim**

PAS menyifatkan Melayu yang berani melawan DAP sebagai berprinsip, sebaliknya mereka yang bersekongkol dan mengikut telunjuk parti itu sebagai Melayu bacul.

Ia sebagai menyanggah kenyataan bekas perdana menteri, Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa orang Melayu sekarang menjadi bacul kerana takut kepada DAP, sehingga sanggup memilih penyangak sebagai pemimpin.

Naib Presiden PAS, Idris Ahmad berkata "Melayu minoriti" yang mengikut telunjuk DAP adalah bacul kerana sanggup berbuat demikian demi kuasa sementara.

"Orang Melayu melawan DAP adalah mereka yang berani melawan arus kerana tidak bersetuju dengan konsep yang dibawa DAP.

"Serta cubaan parti itu untuk merungkai segala kontrak sosial yang telah disepakati bersama selepas kemerdekaan.

"Mereka yang sebenarnya bacul adalah Melayu minoriti yang masih bersekongkol dengan DAP dan mengikut telunjuk parti itu semata untuk kuasa sementara," katanya lapor suara rasmi parti itu Harakahdaily.

Pada 12 Mei lalu, Mahathir yang juga pengerusi Bersatu menzahirkan rasa malu apabila orang Melayu percaya DAP boleh menghancurkan mereka.

Sebaliknya kata Mahathir Melayu hancur kerana membenarkan penyayang menjadi pemimpin yang dipercayai ditujukan kepada bekas perdana menteri Najib Razak.

"Saya amat malu apabila ramai orang Melayu percaya DAP akan hancurkan kita orang Melayu jika ia berada dalam kerajaan Malaysia.

"Tetapi orang Melayu boleh hancur. Mereka akan hancur apabila membenarkan penyayang menjadi pemimpin. Pemimpin seperti ini - walaupun Melayu - akan menghancurkan orang Melayu.

"Kita tubuh sebuah parti Melayu untuk memperjuang nasib orang Melayu. Parti

ini berjaya. Berjaya kalahkan British, mencapai kemerdekaan, membangunkan negara sehingga menjadi Harimau Asia.

"Parti ini tidak pernah kalah. Tetapi pada 9 Mei 2018, parti ini kalah," kata Mahathir.

Pada Mei 2018 BN yang dipimpin Najib ketika itu tumbang dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu kepada PH yang diketuai Mahathir.

Dalam tulisannya itu, Mahathir mengakui orang Melayu mempunyai banyak kelemahan dan tidak berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

"Kita dapati ramai juga orang Melayu yang miskin, yang terlibat dengan dadah, jenayah-jenayah tertentu dan rasuah," katanya lagi.

Sementara itu, Idris berkata orang Melayu yang sekongkol dengan DAP tidak sedar parti itu sedang merencana agenda untuk terus berkuasa.

"Sedangkan DAP pula sedang merancang untuk berkuasa dalam jangka panjang," katanya.

Idris yakin Mahathir lebih mengenali tindak tanduk DAP setelah 22 bulan

memerintah negara bersama dalam kerajaan PH.

"PAS bersama Umno dan majoriti orang Melayu di negara ini berani menentang DAP kerana mempertahankan kedudukan Islam dan hak orang Melayu yang cuba dileraihan oleh DAP," katanya lagi.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/525834>